Pendakwa Raya lwn Amar Asyraf bin Zolkepli (Public Islamic Bank Bhd, pihak ketiga) (Tetuan Wan Shahrizal, Hari & Co, pencelah)

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — PERMOHONAN JENAYAH NO CB-44–04–06 TAHUN 2017
HASSAN ABDUL GHANI PK
21 JANUARY 2019

Undang-Undang Jenayah — Pengubahan wang haram — Pelucuthakkan harta — Sama ada tuntutan dari pihak ketiga bona fide — Sama ada pencelah merupakan firma guaman yang mewakili responden — Sama ada pencelah berhak menerima dan menuntut fi guaman — Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ss 56(1) & 61(4)

Ini merupakan satu permohonan dari pendakwa raya di bawah s 56(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta tersebut') bagi melucuthakkan harta-harta responden yang berikut kepada Kerajaan Malaysia: (a) wang berjumlah RM192,147.76 dan apa-apa pertambahan kepadanya di dalam akaun simpanan Malayan Banking bernombor 106062056732 di cawangan Genting Highlands, Pahang; (b) wang berjumlah RM259,681.45 di dalam akaun simpanan Public Bank Bhd bernombor 4835919335 di cawangan Taman Maluri, Cheras, Kuala Lumpur; (c) wang berjumlah RM102,089.20 dan apa-apa pertambahan di dalam akaun simpanan tetap Public Bank Bhd bernombor 1804354928 di cawangan Petaling Jaya, Selangor; (d) sebuah rumah beralamat R-05-36, Pangsapuri Radius Residence, Jalan SH 1/2 Batu, Selayang Heights, 68100, Batu Caves, Selangor ('hartanah tersebut'); dan (e) sebuah kenderaan jenis Audi S Line TFSI CVT (A) bernombor pendaftaran JRC 80. Public Islamic Bank sebagai penuntut pihak ketiga telah menuntut item (c) dan (d) yang disita dikembalikan kepadanya, kerana Public Islamic Bank telah memberikan kemudahan pembiayaan secara Islam termasuk Takaful Berjangka Mengurangkan Gadai Janji berjumlah RM202,426 untuk membiayai pembelian hartanah di item (d). Public Islamic Bank Bhd memaklumkan tuntutannya sebagai pemegang serahhak/pemegang sandaran mutlak hartanah tersebut dan akaun deposit tetap kepada polis menurut ss 60 dan 61 Akta tersebut. Manakala Tetuan Wan Shahrizal, Hari & Co sebagai pencelah menuntut dari harta yang disita baki yuran guaman berjumlah RM398,722 yang patut dibayar oleh responden setelah firma itu bertindak sebagai peguamcara mewakili responden. Pencelah telah mengeluarkan bil-bil guaman kepada responden dan jumlah terhutang ialah RM398,722.

Diputuskan, membenarkan permohonan pihak ketiga dan pencelah:

(1) Pihak ketiga yang menuntut hartanah tersebut dan akaun deposit tetap harus membuktikan mereka adalah pemegang serahhak suci hati dan untuk pertimbangan bernilai selaras dengan s 61(4)(a)–(e) Akta tersebut (lihat perenggan 18).

(2) Perenggan (a)–(e) s 61(4) hendaklah dibaca bersama (konjunktif) iaitu kesemua kehendak perenggan (a)–(e) perlu dipenuhi dan beban untuk membuktikannya adalah atas imbangan kebarangkalian dan sekiranya pihak ketiga berjaya membuktikan semua keperluan, maka mereka adalah pihak ketiga bona fide dan oleh itu harta disita yang dituntut harus dikembalikan kepada pihak ketiga (lihat perenggan 19).

(3) Mahkamah berpuas hati Public Islamic Bank telah memenuhi kesemua keperluan yang dinyatakan dalam s 61(4)(a)–(e) Akta tersebut dan pemohon telah gagal untuk mengemukakan apa-apa keterangan bagi mematahkan keterangan Public Islamic Bank (lihat perenggan 21).

(4) Memandangkan s 58(5) Akta tersebut dan s 2 Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Hartanah) mempunyai takrifkan yang sama maka keputusan kes *RHB Bank Bhd v Jabatan Peguam Negara* boleh diterima pakai dalam kes ini iaitu memandangkan Public Islamic Bank adalah pemegang serahhak hartanah tersebut dan pemegang sandaran akaun deposit tetap suci hati dan bagi pertimbangan bernilai, maka harta-harta disita yang dituntut tersebut perlu dikembalikan kepada mereka sewajarnya (lihat perenggan 33).

(5) Berdasarkan keterangan lisan dan keterangan dokumentar yang dikemukakan, pencelah telah berjaya membuktikan mereka adalah firma guaman yang mewakili responden. Tuntutan mereka disokong oleh jumlah bil yuran guaman yang dikemukakan tanpa bantahan oleh pemohon. Perlantikan pencelah adalah hak-hak yang termaktub di bawah perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan justeru firma guaman tersebut berhak untuk menuntut dan menerima fi guaman daripada responden (lihat perenggan 34–35).

[English summary

This was an application of the public prosecutor under s 56(1) Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing, and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ('the Act') for the forfeiture the respondent's following properties to the Government of Malaysia: (a) monies amounting to RM192,147.76 and any increments to it in Malayan Banking savings account No 106062056732 at the Genting Highlands Branch in Pahang; (b) monies amounting to RM259,681.45 and any increments to it in Public Bank Bhd savings account No 4835919335 at the Taman Maluri Branch in Cheras, Kuala Lumpur; (c) monies amounting to RM102,089.20 and any increments to it in Public

Bank Bhd fixed savings account No 1804354928 at the Petaling Jaya Branch, Selangor; (d) a house bearing the address R-05-36, Pangsapuri Radius Residence, Jalan SH 1/2 Batu, Selayang Heights, 68100, Batu Caves, Selangor ('the said property'); and (e) an Audi S Line TFSI CVT (A) vehicle, bearing registration No JRC 80. Public Islamic Bank, as a third party claimant claimed for items (c) and (d) which was seized to be returned to them as Public Islamic Bank because Public Islamic Bank had granted an islamic loan facility including Mortgage Reducing Term Takaful amounting to RM202,426 to finance the purchase of property in item (d). Public Islamic Bank informed of its claim as the absolute holder of the assignment/holder of the charge of the said property and the fixed deposit account to the police vide ss 60 and 61 of the said Act. Whilst Messrs Wan Shahrizal, Hari & Co as the intervener claims from the properties that was seized the outstanding legal fees amounting to RM398,722 which ought to be paid by the respondent as the firm has acted as solicitor representing the respondent. The intervener had issued bills to the respondent and the outstanding sum is RM398,722.

Held, allowing the application of the third party and intervener:

(1) The third party claiming the said property and the fixed deposit account has to prove that they are the assignees in good faith and for valuable consideration as per s 61(4)(a)–(e) of the said Act (see para 18).

(2) Paragraphs (a)–(e) of s 61(4) has to be read conjunctively namely all the requirements of paras (a)–(e) is to be fulfilled and the burden to prove it is on a balance of probabilities and if the third party is successful in fulfilling all the requirements, they are therefore a bona fide third party and therefore, the property that was seized which is claimed has to be returned to the third party (see para 19).

(3) The court is satisfied that Public Islamic Bank had fulfilled all the requirements stated in s 61(4)(a)–(e) of the said Act and the applicant had failed to adduce any evidence to rebut the evidence of Public Islamic Bank (see para 21).

(4) Considering s 58(4) of the said Act and s 2 of the Dangerous Drugs Act (Seizure of Property) has the same definition, therefore the decision in the case of *RHB Bank Bhd v Jabatan Peguam Negara* is applicable in this case namely considering public bank is the assignee of the said property and the bona fide chargee of the fixed deposit and for valuable consideration, therefore, the properties seized should be accordingly returned to them (see para 33).

(5) Based on the oral and documentary evidence adduced, the intervener had proven that they are the legal firm representing the respondent. Their claim is supported by a bill for legal fees which was adduced without objection by the applicant. The intervener's appointment are rights

A enshrined under art 5(3) of the Federal Constitution therefore the said legal firm is entitled to claim and receive legal fees from the respondent (see paras 34–35).]

Nota-nota

B Untuk kes-kes mengenai pelucuthakkan harta, lihat 4(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 1834–1837.

Kes-kes yang dirujuk

C *Dalip Bhagwan Singh v PP* [1998] 1 MLJ 1; [1997] MLRA 653, MP (dirujuk)
EL Chong Motor Trading Sdn Bhd (pihak ketiga yang menuntut) lwn Pendakwa Raya [2017] 11 MLJ 793, MT (dirujuk)
Md Sukri bin Shahudin lain-lain lwn Pendakwa Raya Rayuan Jenayah W-09–432–11 Tahun 2016 (tidak dilaporkan) (dirujuk)
D *Pendakwa Raya lwn Raja Noor Asma bt Raja Harun* [2013] 9 MLJ 181, MT (dirujuk)
RHB Bank Bhd v Jabatan Peguam Negara [2011] 1 LNS 998, MT (diikut)
Teh Tek Soon lwn Pendakwa Raya [2015] MLJU 2212, MR (dirujuk)
Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Arasa Kumaran [2006] 6 MLJ 689; [2006] 2 MLRH 283, MP (dirujuk)
E

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Hartanah) 1988 s 2
Akta Jenayah Komputer s 5
F Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012
Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ss 4(1), 50(1), 51(1), 56(1), 58(5), 60, 61, 61(2), (4)(a), (4)(b), (4)(c), (4)(d), (4)(e), Bahagian IVA
G Akta Pencegah Rasuah 1961
Kanun Keseksaan ss 124, 130V
Perlembagaan Persekutuan perkara 5(3)

Atiqah Liana (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pemohon.
H *Wan Shahrizal (Wan Shahrizal, Hari & Co) bagi pihak responden dan pencelah.*
Poh Choo Hoe (Shook Lin & Bok) bagi pihak ketiga.

Hassan Abdul Ghani PK:

I PENGENALAN

[1] Pendakwa raya sebagai pemohon memfailkan satu permohonan di bawah sub-s 56(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta') bagi

melucuthakkan harta-harta responden kepada Kerajaan Malaysia iaitu:

(i) wang berjumlah RM192,147.76 dan apa-apa pertambahan kepadanya di dalam akaun simpanan Malayan Banking bernombor 106062056732 di cawangan Genting Highlands, Pahang;

(ii) wang berjumlah RM259,681.45 di dalam akaun simpanan Public Bank Bhd bernombor 4835919335 di cawangan Taman Maluri Cheras, Kuala Lumpur;

(iii) wang berjumlah RM102,089.20 dan apa-apa pertambahan di dalam akaun simpanan tetap Public Bank Bhd bernombor 1804354928 di cawangan Petaling Jaya, Selangor;

(iv) sebuah rumah beralamat R-05-36, Pangsapuri Radius Residence, Jalan SH 1/2 Batu, Selayang Heights, 68100, Batu Caves, Selangor; dan

(v) sebuah kenderaan jenis Audi S Line TFSI CVT (A) bernombor pendaftaran JRC 80.

[2] Selaras dengan s 61(2) Akta itu, notis pihak ketiga telah *diwartakan* pada 9 April 2018 sebagaimana PU(B) 167/2018 untuk memberi peluang kepada mana-mana pihak ketiga yang mempunyai kepentingan terhadap harta-harta itu untuk hadir ke mahkamah dan memberikan sebab mengapa harta itu tidak boleh dilucuthak oleh kerajaan.

[3] Public Islamic Bank sebagai penuntut pihak ketiga telah menuntut item (iii) dan (iv) yang disita dikembalikan kepadanya manakala Tetuan Wan Shahrizal, Hari & Co sebagai pencelah menuntut dari harta yang disita baki yuran guaman berjumlah RM398,722 yang patut dibayar oleh responden setelah firma itu bertindak sebagai peguamcara mewakili responden.

FAKTA RINGKAS

[4] Pada 9 Jun 2016, Pegawai Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia Bukit Aman telah menjalankan siasatan di bawah s 5 Akta Jenayah Komputer, ss 124 dan 130V Kanun Keseksaan. Hasil siasatan mendapati responden telah memperoleh satu perisian komputer yang membolehkan sistem MYIMMs Jabatan Imigresen Malaysia diakses tanpa menggunakan biometric iaitu tanpa menggunakan kata laluan atau tanpa menggunakan cap jari.

[5] Responden telah membekalkan perisian itu kepada suatu sindiket yang menggunakan untuk mengakses sistem MYIMMs dan memohon serta meluluskan pas penggajian pengurusan pegawai dagang (DP10) dan pas penggajian pegawai dagang (DP11) secara tidak sah. Responden telah mendapat ganjaran sebanyak RM1,000 bagi setiap DP10 dan DP11 yang diuluskan menerusi perisian tersebut.

[6] Responden telah ditangkap oleh pihak polis pada 30 Jun 2016. Pada 19 September s2016 satu perintah sitaan di bawah sub-ss 50(1) dan 51(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 telah dikeluarkan untuk menyita harta-harta seperti di atas.

MERIT PERMOHONAN

Public Islamic Bank Bhd (penuntut pihak ketiga)

[7] Public Islamic Bank sebagai penuntut pihak ketiga menuntut dari harta yang disita:

(a) wang berjumlah RM102,089.20 dan apa-apa pertambahan di dalam akaun simpanan tetap Public Bank Bhd bernombor 1804354928; dan

(b) sebuah rumah beralamat R-05-36, Pangsapuri Radius Residence, Jalan SH 1/2 Batu, Selayang Heights, 68100, Batu Caves, Selangor ('hartanah itu').

[8] Semasa perbicaraan, saksi daripada Public Islamic Bank (SD2) mengatakan pada 5 January 2016, Public Islamic Bank telah memberikan kemudahan pembiayaan secara Islam ('kemudahan itu') termasuk takaful berjangka mengurangkan gadai janji berjumlah RM202,426 kepada responden untuk membiayai pembelian hartanah itu.

[9] Kemudahan itu telah dijamin di antara lain dengan surat ikatan penyerahanhakkan ke atas hartanah itu dan wang-wang dalam akaun deposit tetap yang telah disandarkan dengan resit deposit tetap Public Islamic Bank melalui surat tolakan bertarikh 19 Januari 2016.

[10] Berkait dengan kemudahan itu, SD2 telah mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

(a) surat tawaran daripada Public Islamic Bank bertarikh 5 Januari 2016, D2;

(b) surat tawaran tambahan daripada Public Islamic Bank bertarikh 12 Januari 2016, D2;

(c) surat tawaran tambahan daripada Public Islamic bank bertarikh 21 Mac 2016, D2;

(d) perjanjian induk *Musharakah Mutanaqisah* bertarikh 21 April 2016, D2;

(e) surat ikatan penyerahhakkan bertarikh 31 Mei 2016, D2;

(f) resit deposit tetap bertarikh 18 Januari 2016, D2; dan

(g) surat tolakan bertarikh 19 Januari 2106.

[11] Pada 19 September 2016 dan 13 Oktober 2016, Public Islamic Bank telah menerima notis-notis sitaan bertarikh 19 September 2016 dan 13 Oktober 2016 yang dikeluarkan di bawah ss 50(1) dan 51(1) Akta itu berkait dengan hartanah itu dan akaun deposit tetap.

[12] Pada 2 November 2016 Public Islamic Bank melalui peguamcaranya telah memaklumkan tuntutannya sebagai pemegang serahhak/pemegang sandaran mutlak hartanah itu dan akaun deposit tetap kepada polis menurut ss 60 dan 61 Akta itu.

[13] Pada 9 April 2018 notis pihak ketiga telah *diwartakan* di atas permohonan responden dalam *warta* kerajaan persekutuan di bawah PU(B) 167/2018. Selepas dimaklumkan berkenaan *warta* itu Public Islamic Bank hadir di Mahkamah Tinggi Temerloh untuk menyatakan tuntutannya iaitu hartanah itu dan akaun deposit tetap patut dikembalikan kepada mereka.

Tetuan Wan Shahrizal, Hari & Co (pencelah)

[14] Tetuan Wan Shahrizal, Hari & Co sebagai pencelah/pihak ketiga menuntut daripada harta yang disita baki yuran guaman yang patut dibayar oleh responden setelah firma itu bertindak sebagai peguamcara mewakili responden.

[15] Saksi pencelah SD1 mengatakan firma mereka telah mewakili responden semenjak dia mula-mula ditahan polis di bawah Akta SOSMA pada sekitar Jun 2016. Di antara tindakan yang telah diambil oleh pencelah untuk membela responden ialah membantah tahanan lanjut reman di mahkamah sesyen Kuala Lumpur, menghadiri pendengaran kes responden di bawah POCA di hadapan pegawai penyiasat KDN dan menghadiri perbicaraan di hadapan Lembaga Penasihat di Penjara Bentong untuk membuat rayuan perintah tahanan responden dan seterusnya mewakili responden dalam permohonan habeas corpus di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

[16] SD1 mengatakan firmanya mengenakan yuran guaman secara berperingkat ke atas responden bergantung kepada perjalanan kes. Yuran permulaan ditetapkan sebanyak RM25,000 dan telah dibayar oleh responden. Firmanya telah mengeluarkan bil-bil guaman kepada responden dan jumlah baki bil semasa yang terhutang ialah RM398,722. Kesemua dokumen berkaitan terdapat di dalam ekshibit di Jld 1 dan Jld 2 dikemukakan tanpa bantahan oleh pemohon.

[17] Oleh itu SD2 memohon aset yang hendak dilucutkan hak oleh pemohon sebahagiannya digunakan untuk membayar yuran guaman pencelah berjumlah RM398,722.

DAPATAN MAHKAMAH

[18] Pihak ketiga yang menuntut hartanah itu dan akaun deposit tetap harus membuktikan mereka adalah pemegang serahhak suci hati dan untuk pertimbangan bernilai selaras dengan s 61(4)(a)–(e) Akta itu memperuntukkan:

> (4) The Court or enforcement agency shall return the property to the claimant when it is satisfied that —
>
> (a) the claimant has a legitimate legal interest in the property;
>
> (b) no participation, collusion or involvement with respect to the offence under sub-section 4(1)or Part IVA, or a terrorism financing offence which is the object of the proceedings can be imputed to the claimant;
>
> (c) the claimant lacked knowledge and was not intentionally ignorant of the illegal use of the property, or if he had knowledge, did not freely consent to its illegal use;
>
> (d) the claimant did not acquire any right in the property from a person proceeded against under circumstances that give rise to a reasonable inference that any right was transferred for the purpose of avoiding the eventual subsequent forfeiture of the property; and
>
> (e) the claimant did all that could reasonably be expected to prevent the illegal use of the property.

[19] Nas-nas undang-undang memutuskan perenggan (a)–(e) hendaklah dibaca bersama (konjunktif) iaitu kesemua kehendak perenggan (a)–(e) ini perlu dipenuhi dan beban untuk membuktikan kehendak s 61(4)(a)–(e) adalah atas imbangan kebarangkalian, *Teh Tek Soon lwn Pendakwa Raya* [2015] MLJU 2212 (MR). Jika pihak ketiga telah berjaya membuktikan semua keperluan di bawah s 61(4)(a)–(e) Akta itu maka mereka adalah pihak ketiga bona fide dan oleh itu harta disita yang dituntut harus dikembalikan kepada pihak ketiga, *EL Chong Motor Trading Sdn Bhd (pihak ketiga yang menuntut) lwn Pendakwa Raya* [2017] 11 MLJ 793, *Pendakwa Raya lwn Raja Noor Asma bt Raja Harun* [2013] 9 MLJ 181.

[20] Dalam kes *Raja Noor Asma bt Raja Harun* Mahkamah Tinggi telah memutuskan di perenggan 20 seperti yang berikut:

> [20] Abang Iskandar PK (ketika itu) dalam kes *PP v Lau Kwai Thong* (MTSA Kes No 44–20 Tahun 2008 (tidak dilaporkan)) telah memberikan pandangan bahawa pihak ketiga yang menuntut harta yang disita dalam prosiding di bawah s 61 AMLATFA hendaklah membuktikan kesemua perkara di bawah s 61(4)

perenggan (a)–(e). Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan tersebut dan ingin menambah bahawa beban pembuktian adalah atas bahu pihak ketiga yang membuat tuntutan untuk membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa mereka adalah penuntut pihak ketiga yang suci hati. Untuk membuktikan bahawa mereka adalah penuntut yang suci hati maka mereka hendaklah mengemukakan keterangan bagi memenuhi kehendak-kehendak seperti diperuntukkan di bawah perenggan (a)–(e) tersebut. Sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa perkara-perkara tersebut dipenuhi, harta yang dituntut bolehlah dikembalikan kepada penuntut pihak ketiga yang suci hati tersebut ...

[21] Dalam kes ini setelah meneliti keterangan saksi dan keterangan dokumentar, mahkamah berpuas hati Public Islamic Bank telah memenuhi kesemua keperluan yang dinyatakan dalam s 61(4)(a)–(e). Perlu juga dinyatakan bahawa pemohon telah gagal untuk mengemukakan sebarang keterangan bagi mematahkan keterangan oleh Public Islamic Bank.

[22] Berkaitan dengan pra-syarat (a) tidak dipertikaikan Public Islamic Bank telah memberikan kemudahan itu kepada responden untuk hartanah tersebut di mana perjanjian induk *Mushakarah Mutanaqisah* telah ditandatangani pada 21 April 2016 sebelum siasatan bermula 9 Jun 2016. Sebagai jaminan, responden telah menyerahhak hartanah itu kepada Public Islamic Bank melalui surat ikatan penyerahhakkan bertarikh 31 Mei 2016 dan menyandarkan wang-wang dalam akaun deposit tetap melalui surat tolakan bertarikh 19 Januari 2016.

[23] Penyerahhakkan Public Islamic Bank ke atas hartanah itu dan sandaran ke atas akaun deposit tetap membuktikan Public Islamic Bank mempunyai kepentingan sah di sisi undang-undang mengenai harta itu justeru berhak terhadap harta yang dituntut sebagai pembeli/pemegang serahhak berniat baik bagi pertimbangan bernilai selaras dengan s 61 Akta itu.

[24] Bagi pra-syarat (b) mahkamah berpuas hati Public Islamic Bank sebagai salah satu bank perdagangan yang terunggul di Malaysia tidak menyertai, mempunyai pakatan sulit, dan/atau terlibat berkait dengan kesalahan di bawah s 4(1) Akta atau Bahagian IVA. SD2 dengan jelas mengakaskan tohmahan ini jika ada. Saksi ini menyatakan seperti berikut:

Q: At all material times, was Public Islamic Bank aware of whether the Borrower was involved in any illegal activity as alleged?

A: No. There was nothing suspicious about the said transaction.

Q: At all material times, was Public Islamic Bank aware that the Property was used for any illegal activity, as alleged?

A: No. I state that Public Islamic Bank granted the Housing loan to the Borrower in good faith and executed the Deed of Assignment and Letter of Set-Off in good faith.

[25] Tidak ada keterangan dari pemohon yang membuktikan Public Islamic Bank menyertai, mempunyai pakatan sulit dan/atau terlibat berkait dengan kesalahan di bawah s 4(1) Akta atau Bahagian IVA.

[26] Bagi pra-syarat (c) mahkamah dapati Public Islamic Bank tidak mempunyai apa-apa pengetahuan berkenaan dakwaan bahawa responden telah menggunakan wang yang diperolehi secara haram bagi hartanah itu dan akaun deposit tetap. Ini adalah kerana berdasarkan kepada fakta kemudahan itu telah ditawarkan kepada responden seawal pada 5 Januari 2016. Kesemua transaksi-transaksi berkait dengan hartanah itu dan akaun deposit tetap telah dilengkapkan pada sekitar Mei 2016. Memandangkan notis kepenyalahan hanya diberikan pada 19 September 2016 dan 13 Oktober 2016, jelas pada masa material iaitu Mei 2016, Public Islamic Bank tidak mempunyai pengetahuan dan jahil tanpa niat berkenaan penyalahan penggunaan yang didakwa berkait dengan hartanah itu dan wang-wang dalam akaun deposit tetap.

[27] Bagi pra-syarat (d) sebagai sebuah bank yang berprestij, adalah di luar logik akal untuk mahkamah mengatakan Public Islamic Bank telah memperolehi hak-hak ke atas hartanah itu dan akaun deposit tetap bagi mengelakkan tindakan penyitaan oleh pihak pemohon. Tiada sebarang keterangan yang dapat menunjukkan bahawa Public Islamic Bank terlibat sama dan bersubahat bagi melakukan kesalahan penggubahan wang haram.

[28] Fakta menunjukkan kemudahan itu diberikan setelah Public Islamic Bank berpuas hati pendapatan bulanan responden sebanyak RM3,780 mencukupi untuk membayar ansuran bulanan sebanyak RM977 sahaja. Apatah lagi ianya disokong oleh sandaran resit deposit tetap berhubung dengan akaun deposit tetap. Oleh itu mahkamah berpendapat tidak ada yang mencurigakan berkaitan ansuran-ansuran bulanan yang dibayar oleh responden.

[29] Bagi pra-syarat (e) mahkamah berpendapat Public Islamic Bank telah melakukan semua yang boleh dijangkakan secara wajar untuk menghalang dan mengelakkan penggunaan menyalahi undang-undang hartanah itu. Sebelum kemudahan itu diluluskan Public Islamic Bank telah membuat penilaian tanah, carian kebankrapan serta carian penggulungan syarikat ke atas responden dan syarikatnya, responden juga telah mengikrarkan akuan berkanun yang menyatakan kemudahan itu diperlukan untuk membiayai pembelian hartanah itu dan untuk penghuniannya. Kemudahan itu hanya

dilepaskan setelah dinasihatkan oleh peguamcara Public Islamic Bank, Messrs Desmond Chan & Co pada 27 April 2016.

[30] Selain itu mahkamah telah meneliti peruntukan s 2 Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Hartanah) 1988 dan s 58(5) Akta itu mengenai takrifan 'pembeli suci hati bagi pertimbangan bernilai' mahkamah dapati kedua-duan pertuduhan digubal dengan menggunakan perkataan yang sama atau hampir sama.

[31] Seksyen 58(5) mentakrifkan 'pembeli suci hati bagi perimbangan bernilai' untuk memasukkan 'pemegang serahhak' dan 'pemegang sandaran' seperti berikut:

> (5) In this section, 'purchaser in good faith for valuable consideration' mean any ... assignee ... pledgee ... of any property where the ... assignment ... pledge ... was obtained by him for adequate consideration in money or money's worth, without notice ...

Manakala s 2 ADB (Pelucuthakan Hartanah) 1988 yang mentakrifkan 'pembeli suci hati bagi balasan bernilai' seperti berikut:

> any transferee, assignee, charge, mortgagee, pledge, holder of a lien, or lessee, of any property where the transfer, assignment charge, mortgage, pledge, lien or lease was obtained by him for adequate valuable consideration in money or money's worth, without notice —
>
> (i) that the property is illegal property; or
>
> (ii) of any circumstances from which, if reasonable inquiries had been made, it might have been discovered that the property is illegal property.

[32] Bagi kes-kes di bawah ADB (Pelucuthakan Hartanah) 1988, institusi perbankan kewangan telah berjaya membuktikan bahawa mereka adalah pembeli/pemegang gadaian suci hati bagi balasan bernilai. Dalam kes *RHB Bank Bhd v Jabatan Peguam Negara* [2011] 1 LNS 998, faktanya ialah deposit permulaan dan sebahagian bayaran ansuran untuk kenderaan yang dipersoalkan dicemari dengan kepenyalahan undang-undang. Mahkamah sesyen telah memerintahkan kenderaan itu dilucuthak. Di peringkat rayuan Mahkamah Tinggi telah memerintahkan kenderaan itu dikembalikan kepada bank di atas alasan bank sebagai pembeli suci hati bagi balasan bernilai dengan sebab bank telah membiayai pembelian tersebut tanpa sebarang notis aktiviti-aktiviti penyalahan undang-undang.

[33] Memandangkan s 58(5) Akta itu dan s 2 ADB (Pelucuthakan Hartanah) 1988 mempunyai takrifan yang sama maka keputusan kes *RHB Bank Bhd* di atas boleh diterimapakai dalam kes ini iaitu memandangkan Public Islamic Bank adalah pemegang serahhak hartanah itu dan pemegang

A sandaran akaun deposit tetap suci hati dan bagi pertimbangan bernilai, maka harta-harta disita yang dituntut itu perlu dikembalikan kepada mereka sewajarnya.

B **[34]** Berkaitan dengan tuntutan pencelah untuk baki yuran guaman mahkamah berpuas hati berdasarkan keterangan lisan dan keterangan dokumentar yang dikemukakan di Jld 1 dan Jld 2, pencelah telah berjaya membuktikan mereka adalah firma guaman yang mewakili responden. Tuntutan mereka disokong oleh jumlah bil yuran guaman yang dikemukakan tanpa bantahan oleh pemohon.

C

[35] Perlantikan Tetuan Wan Shahrizal, Hari & Co untuk mewakili responden adalah hak-hak yang termaktub di bawah perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan, justeru firma guaman itu berhak untuk menuntut dan menerima fi guaman daripada responden.

D

[36] Untuk tuntutan ini peguam pencelah telah merujuk dan melampirkan kes yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan di mana mahkamah telah membenarkan tuntutan beberapa firma peguam di antaranya Tetuan Isharidah Ho Chong & Menon, Tetuan Stanley Agustine & Co dan Tetuan Haresh Mahadevan & Co yang menuntut bayaran guaman dari harta yang disita iaitu kes *Md Sukri bin Shahudin lain-lain lwn Pendakwa Raya Rayuan Jenayah* W-09–432–11 Tahun 2016 (tidak dilaporkan). Kes rayuan ini bermula dari mahkamah sesyen dan peguam kanan persekutuan yang mengendalikan kes pemohon dengan jujur mengakui beliau sedia maklum dengan keputusan kes rayuan ini kerana beliau terlibat dengan kes tersebut di mahkamah sesyen dan di Mahkamah Tinggi. Justeru walaupun tiada penghakiman bertulis, mahkamah berpendapat fakta dalam kes rayuan tersebut adalah sama dengan kes ini untuk isu tuntutan bayaran firma guaman.

E

F

G

[37] Kedudukan undang-undang jelas iaitu mahkamah bawahan terikat dengan keputusan mahkamah yang lebih tinggi, *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1; [1997] MLRA 653, *Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Arasa Kumaran* [2006] 6 MLJ 689; [2006] 2 MLRH 283.

H

KESIMPULAN

[38] Oleh kerana segala kehendak di bawah s 61(4)(a)–(e) telah dipenuhi mahkamah memutuskan Public Islamic Bank adalah penuntut pihak ketiga yang bona fide. Justeru itu mahkamah telah membenarkan permohonan Public Islamic Bank dan memerintahkan harta yang disita iaitu hartanah itu dan akaun deposit tetap dikembalikan kepada Public Islamic Bank. Mahkamah juga telah membenarkan permohonan Tetuan Wan Shahrizal, Hari

I

& Co dan memerintahkan wang sejumlah RM398,722 dibayar kepada pencelah daripada jumlah yang telah disita kerana terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan, *Md Sukri bin Shahudin dan lain-lain*.

Permohonan pihak ketiga dan pencelah dibenarkan.

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan